



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

TEKS UCAPAN

YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI

**MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA**

SEMPENA

**MAJLIS PELANCARAN KEMPEN NORMA BAHARU COVID-19
SEKTOR PERUNCITAN DI PASAR-PASAR UTAMA
PERINGKAT PASAR KEDAI PAYANG, KUALA TERENGGANU**

PADA

5 MAC 2021 (JUMAAT)

TEMPAT

**PASAR KEDAI PAYANG, KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU**

Selamat pagi dan Salam Pantai Timur,

**Yang Berhormat Dato Rosol Bin Wahid
Timbalan Menteri Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna**

**Yang Berhormat Tuan Haji Mohd Nurkhuzaini Bin Ab. Rahman
Pengerusi Jawatankuasa Keusahawanan, Industri Mikro
Dan Hal Ehwal Pengguna Negeri**

**Yang Berbahagia Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad
Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna**

**Yang Berbahagia Tuan Haji Shahidan Bin Embok
Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**

**Yang Berbahagia Tuan Haji Ariffin Bin Abdullah
Pegawai Daerah / Pentadbir Tanah Kuala Terengganu**

**Yang Berusaha Encik Saharuddin Bin Mohd Kia
Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal
Ehwal Pengguna Negeri Terengganu**

**YBhg Dato' Seri, Dato', Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan, yang
dihormati sekalian**

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan jutaan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana telah membenarkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk bersama-sama mengadakan **Kempen Norma Baharu COVID-19 Sektor Peruncitan** di pasar-pasar utama di Malaysia. Jutaan terima kasih juga saya panjangkan kepada Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Jabatan Perdana Menteri, selaku agensi penyelaras utama kempen ini, kerana telah memperuntukkan RM300 ribu bagi Kementerian melaksanakan beberapa program termasuklah Kempen Norma Baharu COVID-19 Sektor Peruncitan di pasar-pasar utama di Malaysia.
2. Saya juga ingin menyatakan penghargaan dan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Terengganu, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu serta Pihak Pengurusan Pasar Kedai Payang kerana turut membantu menjayakan pelaksanaan kempen ini. Besar harapan saya agar kerjasama strategik ini dapat diteruskan dimasa-masa akan datang.

Hadirin yang dihormati sekalian,

3. Pada **8 Ogos 2020**, **YAB Perdana Menteri telah melancarkan Kempen Norma Baharu COVID-19** yang bertujuan untuk menggalakkan semua pihak disetiap peringkat untuk mengembleng tenaga dalam memastikan norma baharu kehidupan diamalkan kesan daripada penularan pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia. Kempen Kesedaran Norma Baru Covid-19 ini juga adalah sebahagian strategi bersepadu Kerajaan dalam mengurus pandemik COVID-19 yang diterajui oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA).
4. Justeru Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga turut menyahut seruan YAB Perdana Menteri dengan menumpukan kempen kesedaran di peringkat peruncitan yang melibatkan premis-premis perniagaan, kompleks membeli belah dan pasar-pasar. Seterusnya, kempen ini diharap dapat membantu sektor peruncitan untuk memenuhi keperluan pembukaan ekonomi di peringkat peruncitan dalam keadaan yang selamat.
5. KPDNHEP juga bertanggungjawab memastikan pematuhan SOP sektor peruncitan yang tinggi di kalangan pemilik perniagaan runcit di seluruh negara. **Sukacita saya ingin**

memaklumkan, kadar pematuhan SOP sektor peruncitan sehingga 1 Mac 2021 adalah pada kadar 97.9%. KPDNHEP juga telah menjalankan sebanyak 402,929 pemeriksaan premis diseluruh negara dan telah mengeluarkan sebanyak 151 kompaun. Berdasarkan jumlah pemeriksaan tersebut, KPDNHEP mendapati **kadar pematuhan disektor peruncitan adalah amat tinggi** dan perlu dikekalkan sehingga berakhirnya situasi pandemik di negara ini.

6. KPDNHEP juga berpandangan semua peringkat peruncitan samada di pusat membeli-belah, kedai runcit, kedai serbaneka serta pasar-pasar awam bertanggungjawab memastikan pematuhan ini diikuti. Kami mengambil maklum kemampuan pemilik-pemilik premis membeli belah utama dalam mengeluarkan perbelanjaan bagi memastikan kesedaran awam berada di tahap tertinggi. Namun, keadaan ini adalah berbeza dengan premis-premis seperti di pasar-pasar awam utama yang turut juga menjadi tumpuan rakyat.
7. Sehubungan itu, Kementerian telah mencadangkan bahawa pasar-pasar utama di seluruh negara perlu juga perlu diberi tumpuan dalam Kempen Membudayakan Norma Baru Covid-19. Sehubungan dengan itu, KPDNHEP telah memilih Pasar-pasar utama diseluruh negara dibawah Kempen Pembudayaan Norma Baru Covid-19 ini. Di antara Pasar-pasar utama yang terpilih adalah seperti berikut:

- (i) **Pasar Satok di Kuching, Sarawak;**
- (ii) **Pasar Kraftangan, Kota Kinabalu, Sabah;**
- (iii) **Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan;**
- (iv) **Pekan Rabu, Alor Setar, Kedah;**
- (v) **Pasar Chowrasta, Georgetown, Pulau Pinang; dan**
- (vi) **Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu, Terengganu;**

8. Pemilihan pasar-pasar utama ini adalah berdasarkan beberapa kriteria. **Antara kriteria utama ialah tempat pasar utama ini adalah merupakan tumpuan pengguna terutama pelancong domestik. Pasar-pasar ini perlu dipersiapkan bagi memastikan ia dapat menerima pengunjung luar dengan pematuhan SOP yang tinggi apabila sektor pelancongan domestik dibuka semula kelak.** Lantas persekitaran yang berisiko rendah dan selamat akan memberi keyakinan kepada pengguna untuk terus mengunjungi premis-premis perniagaan tersebut.

9. Di antara langkah yang akan digunakan dalam kempen ini ialah melalui pemasangan **Sistem Ulang Siar Digital**. Sistem ini adalah salah satu strategi bagi memudahkan semua pihak menerima maklumat dengan pantas dan mudah. Kementerian juga ingin mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih atas kerjasama daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) khususnya yang memberikan kerjasama dan sokongan yang sangat baik dalam menjayakan inisiatif ini. Saya berharap, pendekatan menggunakan sistem ini dapat memberi manfaat bukan sahaja dalam tempoh Kempen Norma Baharu COVID-19 tetapi juga selepas pandemik COVID-19 ini dapat diatasi.

10. Saya, mewakili KPDNHEP ingin mengucapkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Terengganu atas komitmen yang tinggi dalam mewajibkan penandaan harga dalam syarat lesen perniagaan PBT di negeri ini. **Komitmen yang sangat tinggi dari Kerajaan Negeri Terengganu ini juga secara tidak langsung telah menjadikan Negeri Terengganu sebagai negeri yang pertama di Malaysia yang mewajibkan penandaan harga dalam syarat PBT. Tahniah saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Terengganu.**

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Saya tidak bercadang untuk berucap panjang mengambil kira bahawa hari ini adalah hari Jumaat yang turut merupakan cuti mingguan bagi negeri Terengganu.
12. Akhir kalam, saya ingin menyampaikan satu rangkap pantun.

***SOP yang baik jadikan amalan,
Nasihat yang berguna jadikan panduan,
Kita semua barisan hadapan,
Mari sama-sama putus rantai.***

13. Sukacita dengan ini saya rasmikan:

**“KEMPEN NORMA BAHARU COVID-19 SEKTOR
PERUNCITAN DI PASAR-PASAR UTAMA PERINGKAT
PASAR KEDAI PAYANG, KUALA TERENGGANU,
TERENGGANU DARUL IMAN”**

Sekian, terima kasih.